

# **MENEROKA KERANGKA ANALITIKAL TEORI SOSIOLOGI MAX WEBER DALAM MENGKAJI PEMIKIRAN PEMBANGUNAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**

**Khairul Azman Mohd Suhaimy<sup>1</sup>, Prof Madya Dr. Mansor Mohd Noor<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi,  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn /  
Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang,  
Universiti Utara Malaysia.  
*khairula@uthm.edu.my*

<sup>2</sup> Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang,  
Universiti Utara Malaysia

## ***Abstract***

*This paper provides an analytical framework of classical sociological theories of Max Weber (1864-1920) in the review of development thinking Tun Dr. Mahathir Mohamad as the leader of the country from 1981 to 2003. The theory that will be affected are 'social action theory', rational-legal and rational capitalism in reviewing ideas / thoughts and approach / policy development used in the period. The concept and features of the theory will be used to assess the rationale and approach of 'Mahathir factor' in making changes from the traditional to modern agriculture industry. It includes the successful development and policies to the folk- 'Mahathir generation'. Initial exploration on the thinking of Tun Dr. Mahathir is by assessing the value and value system that is positive towards development, rational thinking and approach towards efficient management of the organization. It is done by minimizing the cost, increase productivity, leadership, being systematic and discipline in pursuit of goals and ideas including rational-legal approach to bring solutions to the problems arise. However, the development of which is based on competition, market / market power and 'winners and losers' in the modernization approach will produce 'competitive individualism' that compete with the neglect of social values and community relations. To strengthen and sustain modern civilization, appropriate to Malaysian mold to religion / faith and spiritual paradigm through philosophical approach Islamic scholar al-Ghazali and Islam Hadhari towards stabilization of a civilized state by 2020.*

**Keywords:** Thought development, leadership, transformation, rational legal system of values and social values.

## **1. PENGENALAN**

Malaysia telah mencapai perubahan pembangunan dalam berbagai bentuk infrastruktur dengan mengambil kira kejayaan tersebut berpaksi kepada ‘faktor MAHATHIR’. Begitu juga rakyat telah mengalami transformasi sosial dengan membesar dan merasai nikmat perubahan dalam era kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad – ‘generasi MAHATHIR’. Oleh itu perubahan jelas dapat dilihat daripada pendidikan, teknologi, kemakmuran ekonomi, kestabilan sosial dan lain-lain yang berpaksi kepada kekuatan pemikiran beliau yang rasional, saintifik, *contratrion*, *controversial* dan *confrontational* yang sering mendapat berbagai reaksi daripada pelbagai pihak sama ada di peringkat negara dan dunia.

Teori sosiologi klasik Max Weber (1864-1920) dipilih untuk mengkaji pemikiran pembangunan Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003). Ini adalah kerana Max Weber meyakini bahawa proses pembangunan dalam masyarakat dapat dilaksanakan jika nilai-nilai hidup dalam masyarakat dapat diarahkan kepada sikap yang positif untuk mendukung proses pembangunan yang sedang dan akan berlaku. Ini bertepatan dengan tesis Max Weber yang membangunkan ‘teori pembangunannya’ berteraskan ‘nilai-nilai budaya positif’/*cultural ethics*. Beliau menjelaskan ‘*value and ideas can be the catalytic agents in changes in economic structure and in political institutions*’ (Brown & Macridis, 1990).

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian ialah melihat teras pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berjaya dalam mengubah masyarakat dan haluan negara melalui dasar/program pembangunan yang telah menampakkan hasil dan dinikmati oleh rakyat Malaysia. Di antara teras pemikiran beliau dalam pengkajian awal ialah berpaksikan kepada pemupukan tret nilai-nilai positif yang sejajar dengan pendekatan ‘*Weberian Model of Development*’ .... *I believe strongly that the success or otherwise of an individual or race or nation dependent on the system of values practised*’. Di samping itu, pendekatan pemikiran rasional/rasional legal dalam merasionalisasikan sesuatu tindakan ke arah pencapaian matlamat/pemimpin berorientasikan pencapaian dan meletakkan matlamat akhir ‘*bottom line*’ yang menguntungkan dengan menekankan elemen sistematik dan disiplin dalam organisasi kerja merupakan sebahagian daripada pemikiran beliau yang akan dilihat dalam kerangka analitikal teori Max Weber.

## **3. OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

- i. Meneliti aspek-aspek dalam kerangka analitikal teori Max Weber dalam proses pembentukan tamadun.
- ii. Merumus penekanan pemikiran Tun Dr. Mahathir yang berkisar kepada kecekapan pengurusan untuk mencapai matlamat organisasi
- iii. Meninjau dimensi agama dan spiritual untuk mengukuhkan pembinaan tamadun berdasarkan perspektif Islam.

#### **4. REKABENTUK PENYELIDIKAN**

Analisis kandungan adalah kaedah utama dalam penyelidikan akan datang ‘.....*a technique for gathering and analyzing the content of text .....*’ (Neuman, 1991) apabila pengkaji menilai dan menganalisis kewujudan makna dan hubungan perkataan-perkataan/frasa-frasa atau konsep-konsep dan kemudian membuat jangkaan pada mesej dalam teks, penulis, audiens mahupun budaya serta waktu yang merupakan sebahagian daripada faktor yang dinilai dan dianalisis (Rohana, 2003).....membuat kesimpulan secara sistematik dan objektif dengan mengenalpasti ciri-ciri spesifik mesej tertentu teks dan sebagainya berdasarkan bahan yang bersesuaian dan menyokong kepada objektif dan hipotesis/andaian penyelidikan akan dianalisis/diuji. Di samping itu, temubual akan dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat daripada tokoh, mereka yang pernah bekerja dengan tokoh, kenalan dan kaum keluarga.

Penyelidikan secara theoretical *approaches* ini berdasarkan teori sosiologi bagi menerangkan sesuatu bentuk tingkah laku itu dengan menjadikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sampel utama. Teori meliputi konsep-konsep tertentu yang akan menerangkan sesuatu tindakan atau fenomena sosial yang menghubungkan perkara yang ingin dikaji dengan angkubah yang lain (Rohana, 2003) yang akan membantu membentuk hipotesis/andaian dalam penyelidikan ini. Data dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis dengan perisian Nudist/Nvivo sesuai dengan keperluan penyelidikan kualitatif akan diinterpretasi/intepretif yang akan mengenalpasti isu-isu dan idea-idea yang berkaitan dengan tema atau tumpuan tema.

#### **5. MENEROKA KERANGKA ANALITIKAL TEORI SOSIOLOGI MAX WEBER (1864-1920)**

Berdasarkan Rajah 1, Max Weber mengariskan dua dimensi yang berperanan mencetuskan tamadun iaitu **dimensi agama** dan **dimensi material**. Beliau adalah tokoh yang mempelopori sosiologi agama untuk mengkaji hubungan di antara idea agama dengan kelompok sosial tertentu, kesannya ke atas sejarah dan masyarakat serta kesannya ke atas gaya hidup, sikap dan tingkahlaku khususnya tingkahlaku ekonomi. Tingkahlaku agama didorong sebahagian besarnya oleh keinginan untuk hidup dan makmur dalam kehidupan material. Oleh itu pemikiran agama tidak dapat dipisahkan daripada keperluan kehidupan harian dan berorientasikan untuk menyelesaikan matlamat ekonomi demi mencapai matlamat material itu (Hamilton, 1995).

Max Weber melihat **idea** seperitimana pentingnya pembangunan teknologi dan struktur ekonomi sebagai faktor penentu membawa kepada perubahan tersebut. Tesis ‘*Protestant Ethics and the Spirit of Capitalism*’ menjadi faktor utama yang bertanggungjawab kepada kemunculan dan pembangunan masyarakat Eropah yang dicirikan dengan ‘*double-entry bookkeeping, uniform pricing, systematic planning and bureaucratic social organization*’ ..... idea yang telah membentuk nilai seperti .... *idea of making money and acquisition of goods becomes the ultimate purpose in life = work hard, they may accumulate wealth by save and savings are one of foundations of capitalism* (Vago, 1996).

Max Weber menjelaskan idea agama sebagai **kepentingan ideal** adalah berbeza dengan **kepentingan material** yang juga membawa kepada perbezaan pendekatan dalam rasionalisiti. Kedua-dua kepentingan ini iaitu kepentingan ideal dan kepentingan material berperanan dalam mencorak perilaku manusia dan imej dunia yang difahami. Kepentingan yang mendorong manusia melakukan perubahan yang akan menentukan tindakan dengan berbagai-bagai cara atau membuat berbagai pilihan untuk membina kepentingannya dan menyelesaikan masalah daripadanya (Hamilton, 1995).

**Pemahaman rasional** mempunyai dua versi iaitu pemahaman langsung (*direct*) yang berlaku secara segera/spontan yang sering berlaku dalam aktiviti-aktiviti dan situasi-situasi harian manakala pemahaman bermotivasi (*motivational*) berkaitan dengan pilihan sesuatu cara (*choice of means*) untuk mencapai sesuatu matlamat (*ends*) yang mendapat perhatian Max Weber dalam pengkajian aksi sosial (*social action*) merujuk kepada aksi yang dilakukan oleh agen sosial dengan mengambil kira agen atau aktor sosial lain yang terlibat ....memiliki motivasi dan sumber membina revolusi ekonomi kapitalis dengan berpaksikan *protestant work ethics*. Keadaan ini dapat dilihat melalui tesis '*Protestant Ethics and the Spirit of Capitalism*' yang menegaskan bahawa faktor agama adalah 'salah satu' faktor terpenting dalam proses terbentuknya kapitalisme Eropah yang tersendiri dan khususnya rasionaliti (Hamilton, 1995).

**Rasionaliti** adalah proses yang mengaplikasikan pengetahuan praktikal untuk mencapai hasrat akhir yang akan membawa ke arah kecekapan, penyelaras dan pengawalan ke atas fizikal dan persekitaran sosial .... *calculability, intellectualization and impersonal logic of goal directed action* (Turner, 1996). Oleh itu tingkah laku manusia dan masyarakat akan dipandu/*guided* melalui pemerhatian, pengalaman, pengujian dan alasan – zweckrational (zweck=object/purpose/aim) untuk menguasai alam semulajadi dan persekitaran sosial bagi mencapai hasrat dan matlamat – *technocratic thinking is simply to find most efficient means whatever ends are defined as important by those in power* (Ritzer, 2000 / Weber, 1921/1968).

Kedua-dua bentuk rasionaliti utama yang dapat dijelaskan seperti berikut;

- a. *formal rationality – involves means-ends rationality arose only in the West with the coming of industrialization..... applied rules, laws and regulations that characterize formal rationality in the West are found particularly in the economic, legal and scientific institutions.*
- b. *substantive rationality – involve a choice of means to ends within the context of a system of values.....becoming less significant than the others types of rationality especially formal rationality in the West.*

(Ritzer, 2000)

**Etika rasionaliti** merupakan proses (*process*) yang melibatkan motif (*motive*) dan tindakan (*action*) yang berpaksikan kepada keuntungan dengan meminimakan kos/mengelakkan kos dalam sebarang perkiraan yang diambil. Budaya dan *world view* juga berperanan mempengaruhi proses etika rasionaliti dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu roh kapitalis yang lahir daripada kesan reformasi gereja telah melahirkan sistem kapitalisme dalam masyarakat Eropah yang telah menjadi penggerak asas kepada pertumbuhan teknologi dan pengeluaran malah pelaburan juga mengalami perkembangan

yang pesat yang menggalakkan *modern capitalisme (rational capitalisme)* dengan ciri-ciri .....*it is large scale, commodities marketable; everything is bought at the store, markets rarely expanded, depends upon mass production and distribution* (Randall, 1986). Ketamadunan barat bertik tolak daripada pembentukan orde ekonomi kapitalis - kegiatan perdagangan/pengumpulan harta/pelaburan yang memberi kemakmuran material dengan sistem pasaran/kapitalisme menjadi penjana teraktif dalam membangun masyarakat moden barat.

### **5.1 Krisis/kos/perangkap pembangunan daripada perspektif kerangka analitikal teori Max Weber.**

Menurut Max Weber, tanpa teknologi negara industri tidak boleh mencapai ... '*the heights of extravagance and wealth that they currently enjoy. All indications are that they will continue to grow in size and scope*'. Weber juga menegaskan tentang evolusi '*iron cage*' yang menekankan *technically ordered, rigid and dehumanized society*.....*feared that our probable future would be even more bureaucratized, an iron cage that limits individual human potential rather than a technological utopia* .....*foreboding of an 'iron cage' of bureaucracy and rationality, he recognized that human beings are not mere subjects moulded by socio cultural systems*' (Aron, 1970 & Coser, 1977).

Meskipun Weber optimis dengan potensi fikiran rasional tetapi wujud keterbatasan/keterkongongan elemen tersebut dalam kehidupan manusia. Misalnya, beliau mengakui tentang kehebatan penciptaan teknologi tetapi kesan daripada perkembangan yang pesat ini akan memenjarakan/mengasingkan diri mereka daripada masyarakat massa/terbanyak malah melemahkan institusi-institusi dalam masyarakat .....*decline of many traditional institution such as the family, community and religion. Under the rule of specialization, masyarakat menjadi lebih intricate and interdependent but with less common purpose. The community disintegrates because it loses its common bond*' <http://www.faculty.rsu.edu/>.

Pembangunan yang seimbang daripada elemen manusia dan nilai kemanusiaan sewajarnya diutamakan untuk mendasari '*sustainable development*' yang bermakna .....*have to increased human emancipation or increased entrapment within what Weber called the 'iron cage' of rationalised, bureaucratised and managerialised modern societies* .....*concepts of development must include at their core the human dimension* .....*their fundamental needs and their self-fulfilment* .....*values on this view are foundational* (Clammer, 2000). Manusia tidak mampu memenuhi keperluan spiritual di sebalik kemajuan material. Oleh itu tanpa nilai spiritual, manusia tidak akan dapat menemui nilai kemanusiaan mereka sendiri.

## **6. PENEROKAAN AWAL KERANGKA ANALITIKAL TEORI BERHUBUNG DENGAN KECEKAPAN PENGURUSAN DALAM PEMIKIRAN PEMBANGUNAN TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**

Berdasarkan ucapan dalam Majlis Konvokesyen Khas sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Pembangunan oleh Universiti Utara Malaysia pada 15 Julai 2004, Tun Dr. Mahathir Mohamad menekankan;

- pentingnya kecekapan pengurusan lebih-lebih lagi perniagaan kerana mementingkan '*bottom line*' hasil dari jualan dalam bentuk untung-rugi,
- budget mengelak kos/meminima kos dan meningkatkan hasil,
- bermula cara swasta / penswastaan seperti kes Jabatan Telekom – Syarikat Telekom Malaysia/Telekom Malaysia di mana syarikat kerajaan tidak pernah untung walaupun memonopoli,
- perbezaan prestasi bergantung kepada kepimpinan, komunikasi dan penjelasan langsung matlamat kerja kepada pihak yang terlibat,
- *hands-on* – menangani sendiri masalah oleh pihak yang membuat keputusan dan
- sistematik apabila menekankan penggunaan *work of flow, flow of charts manual of procedures* dan *desk files* dalam organisasi sama ada pentadbiran kerajaan atau perniagaan.

Begini juga satu ucaputama 11 '*The Political Beliefs System of Tun Dr Mahathir Mohamad*' oleh Prof Dr. Muhammad El-Sayed Selim, Cairo University, Mesir pada 15 Mac 2005 menegaskan bahawa dengan latar belakang bidang perubatan, beliau mempunyai disiplin dan pengamatan yang sistematik terhadap permasalahan dan penyelesaian yang rasional. Bagi Tun Dr. Mahathir setiap matlamat (*goals*) boleh dicapai atau munasabah untuk dicapai dan berhasil (*feasible*) dengan menggunakan kaedah berikut;

- matlamat yang hendak dicapai mestilah dirangka,
- melibatkan pelaksanaan jangka panjang,
- memberi keutamaan dengan persediaan melaksanakannya,
- ada jadual kerja (*schedule*) dibuat untuk mencapai matlamat dan
- mempunyai lebih dari satu penyelesaian untuk mencapai matlamat.

Bolehlah dibuat kesimpulan ringkas berhubung dengan pemikiran dan pendekatan Tun Dr. Mahathir berhubung dengan kecekapan pengurusan pembangunan iaitu;

- cara bekerja yang sistematik dan disiplin tinggi '*work of flow*' untuk memastikan tugas berjaya,
- pemimpin yang berorientasikan matlamat khususnya hasil/produk yang membuktikan kejayaan organisasi,
- peranan swasta adalah penting sebagai penjana hasil dan hasil baru daripada kegiatan perniagaan pada masa depan,
- kekuatan idea wajar diuji dalam ujian terakhir (*asid test*) untuk melihat relevan dan boleh digunakan,
- melihat pendidikan dan latihan kemahiran sebagai cara/saluran untuk mengubah pencapaian seseorang dan masyarakat,

- menggunakan pendekatan rasional-legal untuk menangani masalah yang melanda masyarakat/negara apabila mengatakan ‘pengurus kerajaan juga akhirnya yang memastikan kejayaan pembangunan negara’ apabila dapat mengatasi krisis yang melanda negara.


## **7. ALTERNATIF DALAM DIMENSI AGAMA UNTUK MEMANTAPKAN PEMBINAAN TAMADUN MALAYSIA MODEN**

Pembangunan berorientasikan kapitalisme dengan persaingan pasaran dalam konteks ekonomi pasaran yang didukung oleh kekuatan elit politik/*modernizing elite/entrepreneurial spirit* (Harrison, 1997) yang mencorak perhubungan dalam masyarakat juga menyebabkan ketidakstabilan dan kekacauan dalam masyarakat tersebut. Malah konsep ‘*economic man*’ untuk memertabatkan peranan swasta seperti *private property, private enterprise* dan *private profit* dalam perkembangan ekonomi berdasarkan pasaran bebas yang tidak terkawal hingga pembangunan disamaartikan dengan kecekapan (*efficiency*) dan mencipta kekayaan kebendaan (*material wealth*) (Ishak, 2002) juga menyumbang kepada permasalahan dalam masyarakat negara membangun, Malaysia tidak terlepas.


Rajah 2 mencadangkan pendekatan pembangunan diikat dengan dimensi agama dalam mencari ganjaran akhirat supaya dapat seimbang dengan kemakmuran material yang dikehjarnya manusia moden. Oleh itu pembentukan masyarakat berakhhlak atau akhlak awam/*public morality* (Mohd Shauki, 2004) ke arah mewujudkan masyarakat yang bahagia bersama-sama dengan kemakmuran material tersebut. Semua warganegara tanpa mengira agama dan status sosial mempunyai tanggungjawab yang sama membangunkan negara ini sebagai sebuah negara yang bertamadun dan mencapai kejayaan yang gemilang dengan mengambilkira elemen ‘bahagia’ dalam konteks kehidupan dunia dan akhirat. Sehubungan itu pendekatan Islam Hadhari yang berfokus kepada pembangunan seimbang mengikut perubahan zaman (Mohd Shauki, 2004) daripada faktor manusia, sumber meliputi aspek pertahanan untuk dimajukan selaras matlamat Wawasan 2020.

Oleh itu jalan keluar terbaik hanyalah agama kerana panduan hidup yang paling baik adalah nilai-nilai agama untuk semua generasi dan untuk segala zaman (Noor Azam, 2005). Malahan perkara ini khususnya nilai dan pembentukan sistem nilai sudah banyak kali diperkatakan oleh Tun Dr. Mahathir dalam usaha untuk mengekal dan meneruskan proses pembangunan dan tamadun Malaysia moden hari ini dan akan datang. Beliau menekankan nilai-nilai murni atau mulia melalui gagasan “Bersih, Cekap dan Amanah” dan “Kepimpinan Melalui Teladan” yang mempunyai hubungan dengan nilai-nilai sosial yang diterima oleh masyarakat majmuk. Masalahnya hari ini untuk mengajak masyarakat mengamalkan nilai-nilai yang baik semakin sukar (Noor Azam, 2005).

Manusia dalam perspektif Islam dan menurut al-Ghazali;



**Rajah 1**



**Rajah 2**

Islam menjelaskan manusia terdiri daripada komponen roh, qulb, nafs, akal dan nafsu yang lengkap daripada aspek spiritual, emosi dan fizikal untuk menjana kehidupan insan kamil. Imam al-Ghazali pula menekankan pendidikan sebagai saluran untuk menjana nilai-nilai murni individu dan masyarakat ke arah pembangunan ummah (Hamid Fahmy Zarkarsy, 1990) dengan menguasai ilmu akhlak yang mana baik dan buruk serta mengetahui bagaimana cara mensucikan roh/menghilangkan sifat-sifat buruk itu dan menjauhinya (Zakaria Adham halaman 33 Minhajul Abidin Wasiat Imam al-Ghazali) dan pendidikan akhlak melalui kaedah kebiasaan (mengucap terima kasih kepada yang berbudi) dan latihan berterusan (sistem yang menekankan nilai-nilai murni) selaras dengan tuntutan wahyu ..... mengamalkan ilmu yang dimiliki bagi keseimbangan pembangunan diri dan masyarakat (Abdul Salam Yussof, 2003).

## **8. PENUTUP**

Tun Dr. Mahathir pemimpin yang bijak merancang dan membaca keperluan bangsa Malaysia untuk masa akan datang daripada pendidikan sejarah hingga alam siber dan teknologi maklumat termasuk pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris adalah usaha untuk menyediakan bangsa Malaysia bagi menghadapi suasana global yang berubah dan mencabar (S.Hashim, 2003). Oleh itu Tun Dr. Mahathir adalah reformer pembangunan dan penggerak tamadun Malaysia moden hari ini telah ‘menebar pemikiran’ dan ‘menabur jasa’ yang bukan sedikit untuk menunjangi proses transformasi pembangunan negara. Mengurus kejayaan dan mengukuhkan tamadun Malaysia moden yang diwariskan oleh *legacy* Tun Dr. Mahathir bukanlah satu tugas yang mudah yang memerlukan kerjasama semua pihak kepimpinan dan sokongan semua peringkat rakyat jelata.

### **KATA-KATA HIKMAT DARIPADA TUN DR. MAHATHIR MENGAKHIRI KERTAS KERJA CADANGAN AWAL PENYELIDIKANINI;**

‘Sesuatu bangsa itu maju atau mundur kerana budayanya. Budaya pemimpin penting tetapi budaya pengikut tidak kurang pentingnya. Dalam demokrasi, terutamanya yang akan menentukan nasib bangsa, ialah budaya rakyat biasa’.

*Dr. Mahathir semasa berucap di Perhimpunan Agung UMNO pada 24 November 1995 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.*

‘Kita harus keluar daripada tanggapan bahawa tongkat yang disediakan akan kekal selamanya. Ingatlah, tongkat kayu boleh patah, tongkat rotan boleh lentur, tongkat besipun boleh karat. Oleh itu jauhkanlah diri sedikit daripada tongkat dan berdirilah atas kaki sendiri’.

*Ucapan Dr. Mahathir semasa membentangkan Bajet 2003 bagi mengingatkan rakyat agar jangan terlalu mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.*

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Embong. (2003). *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad Ke 21*. Bangi. Penerbit UKM.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam Al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*, KL. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Aron, Raymond. (1970). *Main Currents in Sociological Thought 11*. New York. Anchor Books.
- Brown, Bernard E & Macridis Roy C. (1990). *Comparatives Politics: Note and Reading*. California. USA. Brooks & Cole Publishing.
- Bahan Media Cakera Padat: *Konvokesyen Khas Anugerah Ijazah Kehormat UUM 15 Julai 2004*, Pusat Media, Sintok, UUM.
- Clammer, John (2000). *Values & Development in Southeast Asia*. Subang Jaya, Selangor. Pelanduk Publications.
- Coser, Lewis.A. (1977). *Masters of Sociological Thought: Idea in Historical and Social Context*. 2<sup>nd</sup> edition. New York. Harcourt Brace Jovanovich.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. (1990) *Pemikiran al-Ghazali Tentang Pendidikan*. KL. DBP.
- Hamilton, Malcolm.B. (1995). *The Sociology of Religion. Theoretical and Comparative Perspectives*. London and New York. Routledge.
- Harrison, David (1997). *The Sociology of Modernization and Development*. London. Routledge.
- <http://www.faculty.rsu.edu/>
- Ishak Saari (2002) *Pembangunan: Mengejar Impian atau Khayalan dalam Falsafah dan Peradaban Pembangunan*; disunting oleh Misran Rokimin, James Francis Ongkili, Azmi Aziz, Bangi, Penerbit UKM.
- Milne, R.S; Mauzy, Diane. (1999). *Malaysian Politics under Mahathir*. London. Routledge.
- Mohd Shauki Abdul Majid. (2004). *Memahami Hadhari dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur. iBook Publication Sdn. Bhd.
- Neuman, W.L (1997) *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. (3<sup>rd</sup> Ed). United States of America. A Pearson Education Company.
- Noor Azam (2005) 'Macam Tak Ada Kuasa' dalam *Majalah Masa*. Jun 2005. Bil. 3 Tahun 1. Kajang. Selangor. Orakel (M) Sdn Bhd.
- S.Hashim Ahmad. (2003). *Mahathir Pencetus Tamadun Insaniah*. Kuala Lumpur. JUZ' ART dengan kerjasama Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.
- Ritzer, George. (2000). *Classical Sociological Theory*. United States of America. Mc Graw-Hill Higher Education.
- Randall, Collin. (1986). *Max Weber: Skeleton Key. Master of Social Theory. Volume 3*. London. Sage Publications.
- Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong, Pahang. PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Turner, Bryan. S. (1996). *Social Theory*. UK. Blackwell Publisher Ltd.
- Vago, Steven. (1996). *Social Change*. Upper Saddle River. New Jersey. Prentice Hall.